

DAP cenderung isu perkauman
Utusan Online
30 Mac, 2012

KUANTAN 29 Mac – DAP didakwa semakin giat memainkan isu perkauman termasuk meminta masyarakat Cina bersatu memberi sokongan kepada mereka bagi membolehkan negeri lain turut mengikut 'jejak langkah' Pulau Pinang yang diterajui oleh parti itu.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek berkata, malah di hadapan masyarakat Cina, pemimpin DAP mendakwa segala masalah yang berlaku di negara ini berpunca daripada UMNO dan oleh itu orang Cina perlu bersatu menyokong mereka.

Menurutnya, DAP juga menuduh MCA sebagai penghalang kepada usaha mereka untuk menguasai negeri-negeri lain.

"Sekarang DAP memainkan isu-

isu perkauman. Kebelakangan ini juga, ucapan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng di mana-

mana sahaja, dia suka menyentuh kejayaan membentuk kerajaan Pulau Pinang yang diterajui oleh pemimpin DAP.

"Dia memberi harapan palsu kepada masyarakat Cina kononnya dengan menyokong DAP, mungkin ketua dan pemimpin negeri-negeri lain akan datang juga daripada DAP dan berketurunan Cina.

"Ini satu pembohongan besar kerana DAP hanya boleh menjadi 'maharaja' di negeri Pulau Pinang sahaja. Ini adalah kebenaran," katanya ketika berucap merasmikan Jentera Pilihan Raya Barisan Nasional (BN) Parlimen Paya Besar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Gambang, di sini malam tadi.

Hadir sama Pengerusi BN Parlimen Paya Besar, Datuk Ahmad Tajuddin Sulaiman yang juga Ketua UMNO Bahagian Paya Besar.

Sementara itu, Soi Lek sekali lagi menyifatkan hasrat DAP meletakkan beberapa calon Melayu pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) akan datang sebagai hiasan politik semata-mata.

"DAP tidak dapat lari daripada hakikat yang parti itu masih bergantung kepada sokongan masyarakat Cina walaupun ia cuba menampilkan wajah sebagai parti berbilang kaum," jelasnya.

Dalam pada itu, Soi Lek berkata, subsidi untuk barangan keperluan asas yang disalurkan oleh kerajaan perlu diberi publisiti sebaik-baiknya bagi memastikan keprihatinan kerajaan BN itu mendapat respons positif daripada rakyat.

"Subsidi untuk minyak misalnya, ia tidak disedari oleh rakyat. Tetapi kita lihat kerajaan DAP Pulau Pinang akan mencanangkan ke seluruh dunia walaupun memberi bantuan RM100 untuk warga emas setahun sekali.

“BN selama ini hanya pandai membuat kerja dan sudah sampai masanya kita kena fikirkan publisiti positif kepada usaha kita itu. Subsidi minyak misalnya, setiap liter kerajaan tanggung subsidi kira-kira RM1.

“Maknanya kalau seorang belanja petrol 200 liter sebulan, kerajaan telah beri kepada dia RM200 sebulan. Tetapi siapa yang sedar dengan pemberian itu,” katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0330&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm